



## IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41

**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH**

1. (a) **Jawatan** : Pegawai Belia Dan Sukan
- (b) **Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun** : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (c) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Sosial (S)
- (d) **Jenis Skim Perkhidmatan** : Pengurusan Dan Profesional
- (e) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pengurusan Dan Profesional
- (f) **Gred** : S41
2. **Jadual Gaji** : (RM sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
S41	RM2,078.00	RM9,544.00	RM225.00

3. **Syarat Lantikan** :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - Warganegara Malaysia;
    - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
    - Kelayakan Lantikan Ke Gred S41:
      - ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Syarat Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memilikiKepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DAN

Syarat Lantikan Tambahan:

Keutamaan kepada calon yang bermaustautin di Labuan.

4. **Taraf Jawatan** : Pemohon yang berjaya akan ditawarkan jawatan bertaraf Kontrak dalam satu tempoh masa yang ditetapkan.
5. **Ringkasan Tugas** : Bertanggungjawab merangka dasar, merancang program serta aktiviti berkaitan sukan di peringkat Wilayah Persekutuan. Fungsi tugas termasuk memberikan bantuan dalam bentuk kewangan, memberikan nasihat kepakaran serta penyeliaan berterusan bagi mengembangkan program-program sukan di Wilayah Persekutuan.
6. **Cara Memohon** : (a) Borang Permohonan boleh didapati daripada **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya** dengan memuat turun dari laman web rasmi: <http://www.wipers.gov.my>
- (b) Permohonan jawatan hendaklah didaftarkan terlebih dahulu secara *online* di Sistem e-Jawatan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan juga memuat naik kesemua dokumen-dokumen yang berkaitan seperti sesalinan kad pengenalan, sijil-sijil kelayakan pendidikan dan lain-lain sijil yang berkaitan dan dihantar. Setelah permohonan berjaya dihantar, Borang Permohonan berserta dokumen-dokumen yang telah dimuat naik hendaklah dicetak dan dihantar ke alamat berikut:

**Pengarah  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan  
Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah  
Presint 2, 62100 Putrajaya**

7. **Tarikah Tutup Permohonan** : Semua permohonan hendaklah diterima oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan sebelum atau pada **4 Mei 2018**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
8. Hanya pemohon yang layak dan melepasi asas tapisan akan dipanggil temu duga.
9. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga yang berkaitan.
10. Hanya calon yang Berjaya dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.